

Selang.1 (25 markah)

Financial Accounting Standards Board (FASB) telah menjalankan projek rangka kerja konseptual untuk perakaunan kewangan dan pelaporan. FASB juga telah mencetuskan projek ini bertujuan untuk menyelaraskan objektif dan asas kepada perakaunan kewangan dan pelaporan. Objektif perakaunan kewangan mestilah matlamat dan tujuan perakaunan kewangan yang berorientasikan ke atas pengguna perakaunan kewangan yang berbeza-beda. Objektif perakaunan kewangan ini merangkumi perniagaan, peristiwa dan keadaan yang berlaku dalam perakaunan kewangan. Garis panduan ini juga akan membantu untuk memahami maklumat perakaunan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AAP 326 - Seminar Teori dan Isu Perakaunan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

[9 markah]

(a) Apakah hujah-jualan perakaunan memberi makna bahawa rangka kerja konseptual diguna pakai? Bincangkan.

[6 markah]

Selang.2 (20 markah)

Harold adalah laporan audit dari akaun-akaun bertauliah dan bebas.

Kepala Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Macarena Berhad.

Kami telah mengaudit akaun Macarena Berhad dan akaun Disuntukan Macarena Berhad dan anak syarikatnya pada 30 Jun 2000. Penyediaan akaun-akaun ini adalah tanggungjawab pengarah-pengarah syarikat. Tanggungjawab kami hanyalah untuk menyatakan pandangan ke atas akaun-akaun ini berdasarkan audit yang kami jalankan.

...2/-

Soalan 1 (25 markah)

Financial Accounting Standards Board (FASB) telah menjalankan projek rangka kerja konseptual untuk perakaunan kewangan dan pelaporan. FASB juga telah menerbitkan enam "Statements of Financial Accounting Concepts". Penyata-penyata ini bertujuan untuk menyarankan objektif dan asas kepada pembentukan perakaunan kewangan dan piawaian pelaporan. Objektif ini digunakan bagi mengenalpasti matlamat dan tujuan pelaporan kewangan. Asas-asas inilah yang akan mendasari konsep perakaunan kewangan yang kemudiannya akan memberi garis panduan dalam pemilihan urusanniaga, peristiwa dan keadaan yang perlu diambilkira, pengiktirafan dan pengukuran. Garis panduan ini juga akan membantu untuk meringkaskan dan menyampaikan maklumat perakaunan kepada pihak-pihak yang berminat.

Tujuan "Statement of Financial Accounting Concept No. 2" (SFAC No. 2) "Qualitative Characteristics of Accounting Information" adalah untuk mengkaji ciri-ciri yang menjadikan maklumat perakaunan berguna. Ciri-ciri atau kualiti maklumat yang dibincangkan dalam SFAC No. 2 adalah ramuan yang akan menjadikan maklumat perakaunan berguna dan memenuhi kualiti yang dicari apabila membuat pemilihan polisi perakaunan.

Dikehendaki:

- (i) Nyata dan bincangkan kelebihan yang bakal diperolehi dari rangka kerja konseptual FASB. [10 markah]
- (ii) SFAC No. 2 telah menggambarkan ciri-ciri atau kualiti maklumat perakaunan yang sepatutnya ada. Anda dikehendaki menyatakan kepentingan mana-mana tiga dari kualiti ini untuk tujuan pelaporan kewangan. [9 markah]
- (iii) Apakah kewujudan piawaian perakaunan memberi makna bahawa rangka kerja konseptual diguna pakai? Bincangkan. [6 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Berikut adalah laporan audit dari akauntan awam bertauliah dan bebas:

Kepada Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Macarena Berhad:

Kami telah mengaudit akaun Macarena Berhad dan akaun Disatukan Macarena Berhad dan anak syarikatnya pada 30 Jun 2000. Penyediaan akaun-akaun ini adalah tanggungjawab pengarah-pengarah syarikat. Tanggungjawab kami hanyalah untuk menyatakan pandangan ke atas akaun-akaun ini berdasarkan audit yang kami jalankan.

...3/-

Kami telah menjalankan kerja audit seperti yang telah disarankan dan diluluskan oleh piawaian pengauditan di Malaysia. Menurut piawaian-piawaian tersebut, kami dikehendaki untuk merancang dan menjalankan tugas audit bagi mendapatkan jaminan yang sewajarnya sama ada akaun-akaun ini bebas dari salah nyata yang matan ("material"). Tugas audit termasuk memeriksa, berdasarkan kepada ujian, bukti-bukti yang menyokong amaun dan penzahiran dalam akaun-akaun. Tugas audit juga termasuk menaksir atau menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran yang signifikan yang dibuat oleh pengarah-pengarah juga termasuk menilai persembahan akaun-akaun secara menyeluruh. Kami percaya bahawa audit yang telah kami jalankan telah memberikan kami dasar yang sewajarnya bagi kami untuk memberikan pandangan.

Pada pandangan kami,

- (a) Akaun-akaun tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai keadaan Syarikat dan kumpulannya pada 30 Jun 2000. Keputusan dan aliran tunai Syarikat untuk tahun berakhir telah disediakan dengan baik seperti yang telah dinyatakan dalam peruntukan Akta Syarikat 1965 dan dengan menggunakan piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia; dan
- (b) Rekod perakaunan dan rekod lain-lain juga jadual yang diperlukan oleh Akta telah disimpan dengan baik oleh Syarikat dan anak syarikatnya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit dan mendapati telah disimpan seperti yang dipersetujui sesuai dengan peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati dengan akaun-akaun anak syarikat yang telah Disatukan dengan akaun syarikat.

Laporan audit ke atas akaun-akaun anak syarikat juga tidak tertakluk kepada syarat atau komen berlawanan seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen (3) dari Seksyen 174 Akta tersebut.

Hanafi Radhi & Muhammad
No. AF 0007
Akauntan Bertauliah

Fauziah Binti Md. Taib
No. 2665/07/07(Q)
Rakan kongsi Firma

Dikehendaki:

Sebelum sesuatu penyata kewangan diterbitkan atau boleh diterima pakai, ianya harus terlebih dahulu disahkan sebagai satu pernyataan yang benar dan saksama ("true and fair view") oleh juruaudit yang bertauliah seperti yang telah dinyatakan di atas. Persoalannya, sekiranya penyata kewangan tersebut telah disahkan sebagai gambaran yang benar dan saksama mengenai operasi dan keadaan kewangan syarikat, mengapakah untuk tujuan percukaian, penyata kewangan perlu disediakan sekali lagi menurut perkiraan yang berbeza? Bincangkan.

[20 markah]

...4/-

Soalan 3 (25 markah)

Sesetengah akauntan berpendapat bahawa pempolitikan (“politicization”) dalam pembangunan dan penerimaan piawaian perakaunan sedang berlaku. Sesetengahnya menggunakan istilah “pempolitikan” dalam erti kata pengaruh agensi kerajaan dalam pembangunan prinsip perakaunan yang diterima pakai. Sesetengah yang lain pula mendefinisikan sebagai tolak ansur yang berlaku dalam badan-badan yang bertanggungjawab untuk membentuk prinsip perakaunan yang diterima pakai kerana pengaruh dan tekanan dari kumpulan-kumpulan yang berkepentingan tertentu (Suruhanjaya Sekuriti, badan-badan perniagaan, penganalisis kewangan, bank-bank, firma audit dan sebagainya).

Dikehendaki:

- (a) Sejarah pembentukan piawaian perakaunan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa “Committee on Accounting Procedures (CAP)” telah diwujudkan dalam tahun 1930an dan berfungsi sehingga tahun 1959 apabila CAP digantikan dengan “Accounting Principles Board (APB)”. Pada tahun 1973, “Financial Accounting Standards Board (FASB)” telah ditubuhkan bagi menggantikan APB. Adakah sebab-sebab pengwujudkan badan-badan ini, cara mereka beroperasi dan sebab mengapa CAP dan APB dibubarkan menunjukkan bahawa pempolitikan semakin bertambah dalam pembentukan piawaian perakaunan? Jelaskan jawapan anda dengan menunjukkan bagaimana CAP, APB dan FASB beroperasi. Sebutkan beberapa perkembangan khusus yang berlaku bagi menyokong pendapat anda.

[11 markah]

- (b) Apakah hujah-hujah yang dapat diketengahkan bagi menunjukkan bahawa “pempolitikan” adalah baik dalam pembentukan piawaian perakaunan?

[7 markah]

- (c) Berikan alasan-alasan yang menunjukkan bahawa “pempolitikan” adalah tidak sihat dalam pembentukan piawaian perakaunan?

[7 markah]

Soalan 4 (15 markah)

Bincangkan kelebihan dan kekurangan pendapatan perakaunan (accounting income) berbanding dengan pendapatan ekonomi (economic income).

[15 markah]

... 5/-

Soalan 5 (15 markah)

Apakah yang dimaksudkan dengan hipotesis pasaran cekap? Apakah implikasi hipotesis pasaran cekap ke atas badan pembentuk atau penetap piawaian perakaunan? Bincangkan implikasi ini seperti yang telah disarankan oleh W.H. Beaver (1973).

[15 markah]

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pemeriksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AAW 312 – Perakaunan Kewangan Pertengahan II

- 0000000 -

Masa: 2 jam

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi SEMULAHI (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA soalan.

